

## **MAJLIS APRESIASI PRESTASI PRESTASI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA TAHUN 2024**

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Majlis Apresiasi Prestasi Institut Tanah dan Ukur Negara Tahun 2024 secara bersemuka bertempat di Auditorium, INSTUN pada 25 Feb 2025. Secara keseluruhannya, majlis ini telah dihadiri oleh kesemua kakitangan INSTUN seramai 145 orang.

Majlis ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penghargaan ke atas sumbangan pegawai dan kakitangan INSTUN untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Institut serta memberi kesedaran kepada semua Warga INSTUN bahawa mereka amat penting di dalam mengekalkan kecemerlangan Institut ini di mana segala jasa dan sumbangan setiap Warga INSTUN adalah dihargai di samping mengiktiraf pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh pegawai dan kakitangan pada tahun penilaian dan memberi dorongan dan inspirasi kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk meningkatkan prestasi dalam perkhidmatan awam.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Seramai dua puluh tujuh (27) penerima anugerah telah diraikan di mana sebelas (11) orang penerima bagi Kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Dua belas (12) orang penerima Kategori Anugerah Keterampilan INSTUN (AKI), tiga (3) orang penerima Anugerah Penceramah Cemerlang (APHC) dan seorang (1) penerima Anugerah Penceramah Muda Cemerlang (APHMC). Majlis ini turut disajikan dengan persembahan khas daripada Pelajar Seni Muzik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)



Ucapan Perasmian daripada YBrs. Tuan Pengarah





Gambar Penerima-Penerima APC



Gambar Penerima-Penerima AKI





Gambar Penerima APHC dan APHMC



Gambar Semua warga INSTUN yang hadir.





Persembahan Artis Jemputan daripada UPSI